

12 MAY 2001

Castro-Menara (Bergambar)

SEPERTI NAIK KE ANGKASA LEPAS, KATA CASTRO

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Presiden Cuba Fidel Castro menyifatkan pengalamannya naik ke kemuncak Menara Kembar Petronas seperti berada di angkasa lepas.

"Saya tak pernah berfikir dapat menjelajah ke angkasa lepas," katanya kepada pemberita selepas menjejak kaki di tingkat 83 Menara Kedua bangunan berkembar tertinggi di dunia itu.

Castro berkata demikian dalam bahasa Sepanyol sejurus selepas mengisi buku pelawat. Dia nampak begitu kagum selepas meluangkan masa tiga jam melawat bangunan pencakar langit itu.

Pemimpin Cuba yang berpakaian suit biru gelap itu kelihatan tenang dan turut bertegur sapa dengan para pelawat di tempat tumpuan pelancong itu.

Ketibaan beliau pada pukul 10.20 pagi telah disambut oleh naib presiden kanan Petronas Mohd Idris Mansor.

Castro kemudiannya menghadiri taklimat tertutup selama 45 minit mengenai peranan dan perkembangan Petronas sebagai syarikat petroleum kebangsaan yang diberikan oleh pengurus besar perancangan dan pembangunan korporatnya Nasaruddin Mohd Idris.

Castro dan rombongan turut menyeberangi skybridge (jejantas) yang menghubungkan tingkat 42 menara berkembar itu.

Orang ramai termasuk pelancong asing berkerumun di lobi utama untuk melihat kelibat Presiden Cuba itu apabila beliau berlepas meninggalkan bangunan berkenaan.

Castro yang tiba di sini Jumaat untuk lawatan tiga hari sebelum ini telah mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya.

Sebelum tiba di Malaysia, Castro telah melawat Algeria dan Iran.

-- BERNAMA

HBM ZS MOZ